

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 MARCH 2017

Tun M tidak setuju Wan Azizah jadi PM?

UM - 10/3/2017

PUTRAJAYA 9 Mac - Kesepakatan pembangkang dilihat terus goyah apabila Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti tidak bersetuju dengan pemilihan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Perdana Menteri.



DR. MAHATHIR



WAN AZIZAH

Perkara itu disuarakannya apabila menegaskan, bukan DAP sahaja yang berhak menentukan siapakah yang akan memegang jawatan berkenaan kerana parti-parti pembangkang lain juga berhak memberi pandangan masing-masing. "Bukan DAP sahaja boleh mencalonkan Perdana Menteri. Parti-parti lain juga ada hak menyatakan pandangan mereka, keputusan daripada satu pihak sahaja tidak memadai," katanya kepada pemberita selepas sesi tayangan filem pendek bertajuk *Sikap* di sini hari ini.

Semasa sesi perbahasan sidang Dewan Rakyat semalam, Anthony Loke yang juga Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP menyatakan, pembangkang sedia menyokong Wan Azizah menjadi Perdana Menteri kononnya untuk mengiktiraf kedudukan wanita dalam pentadbiran negara.

Cadangan itu dilihat boleh 'meranapkan' impian Dr. Mahathir untuk melantik anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir menjadi Perdana Menteri selepas beliau dan Lim Kit Siang dikatakan membuat pakatan sulit dengan Penasihat DAP yang dikatakan menuntut jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Pada masa sama Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri tidak tahu-menahu tentang pengumuman Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai partinya yang akan mengadakan perbincangan dengan Pas bagi menentukan agihan kerusi



Bukan DAP sahaja boleh mencalonkan Perdana Menteri. Parti-parti lain juga ada hak menyatakan pandangan mereka, keputusan daripada satu pihak sahaja tidak memadai."

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia

menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14.

"Saya hanya membaca perkembangan ini menerusi akhbar sahaja. Saya tidak tahu apa yang disuarakan oleh mereka, saya akan mengadakan perjumpaan dengan Muhyiddin untuk mengetahui apakah yang dimaksudkannya dalam perkara ini," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada kerjasama antara PPBM dan Pas memberi petunjuk bahawa partinya menyokong Rang Undang-Undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (RUU 355), Dr. Mahathir menegaskan, beliau tidak tahu mengenai perkara tersebut.

Dr. Mahathir sebelum ini menuduh Himpunan RUU 355 yang dihadiri ribuan umat Islam di Padang Merbok di sini pada 18 Februari lalu adalah *platform* Pas untuk meraih undi.